

15/09/2003

RM245j untuk bina, naik taraf 25 IKBN

JOHOR BAHRU: Kementerian Belia dan Sukan akan menggunakan sebahagian besar peruntukan Bajet 2004 bagi membina, menaik taraf dan menambah peralatan 25 Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) membabitkan perbelanjaan RM245 juta.

Menterinya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata peruntukan besar itu membolehkan institut berkenaan melatih dan melengkapkan ilmu kemahiran kepada kira-kira 11,000 anak muda bagi tempoh jangka panjang.

Selain itu, katanya, peruntukan RM50 juta pula diguna untuk memperbaiki dan menaik taraf kawasan lapang yang terbiar di seluruh negara menjadi tempat riadah sekali gus digunakan anak muda untuk kemudahan bersukan.

"Sebagai langkah selanjutnya, saya akan berbincang dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting untuk mengenal pasti tanah terbiar di seluruh negara.

"Kawasan lapang itu akan dinaikkan taraf dan diperbaiki menjadi kawasan riadah dan bersukan untuk anak muda. Ia membolehkan mereka memanfaatkan kemudahan itu dengan aktiviti berfaedah," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutup Kursus Belia Negara Pemuda Umno Johor di Kem Bina Negara Gunung Pulai, dekat Kulai, di sini, semalam.

Seramai 136 peserta di kalangan barisan kepimpinan Pemuda Umno dari 20 bahagian di negeri ini menyertai kursus tiga hari itu. Turut hadir Ketua Pemuda Umno Johor, Ayob Rahmat dan barisan Exco Pemuda Pusat.

Bajet 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu memperuntukkan RM657.9 juta kepada kementerian itu membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan belia dan sukan dalam proses pembentukan negara.

Tanpa menjelaskan secara terperinci rancangan kementerian untuk membelanjakan wang berkenaan, Hishammuddin mengakui sebahagian besar peruntukan yang diperoleh akan diguna untuk menyediakan kemudahan dan prasarana lebih baik untuk generasi muda.